

12/12/2001

RM100 seorang (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Buat kali pertama, kerajaan memberi RM100 seorang kepada golongan termiskin di seluruh negara bagi menyambut Aidilfitri kali ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkannya hari ini berkata, kira-kira tujuh peratus daripada 23 juta rakyat negara ini, termasuk kaum Cina dan India akan menerimanya sebelum Aidilfitri akhir minggu ini.

"Kerajaan buat keputusan, bagi tahun ini saja, untuk memberi duit raya kerana kita ada duit lebih. Jumlahnya tak banyak, tetapi cukuplah untuk belanja raya dan kita bagi duit ini kepada semua kaum," kata Perdana Menteri.

Beliau mengumumkan perkara itu ketika berucap pada majlis penyampaian wang tunai RM100 kepada 200 orang miskin pelbagai kaum bagi Kuala Lumpur dan Selangor di Masjid Wilayah Persekutuan, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan berpendapat golongan miskin perlu dibantu, terutama menjelang musim perayaan supaya mereka juga dapat bergembira bersama orang lain yang berkemampuan.

"Kita bagi RM100 kepada tiap seorang yang termiskin seluruh Malaysia. Saya tak tahu berapa jumlah (keseluruhannya). Kita akan beri sebelum menjelang hari raya.

"Ini kali pertama kita bagi duit kerana kita ada duit sikit dan kita berpendapat eloklah kalau golongan miskin kita bantu seperti juga kita bantu penerima PPRT (Program Pembangunan Rakyat Termiskin) supaya mereka juga dapat sama-sama bergembira dengan orang lain," katanya.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo, yang turut hadir pada majlis itu kemudian menjelaskan, setiap kawasan Parlimen diberi peruntukan RM15,000 untuk diagihkan kepada 150 penerima terdiri daripada rakyat termiskin pelbagai kaum.

Ini bermakna kerajaan membelanjakan kira-kira RM3 juta untuk diagihkan kepada 28,950 penerima yang mewakili 193 kawasan Parlimen di seluruh negara.

Acara hari ini membabitkan pengagihan untuk penerima di 17 kawasan Parlimen Selangor dan 11 bahagian di Wilayah Persekutuan. Ahli Parlimen dan pegawai daerah di kawasan Parlimen lain di seluruh negara akan turut mengagihkan duit raya itu mulai esok.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berharap peruntukan duit raya untuk fakir miskin itu tidak diselewengkan seperti mana berlaku terhadap wang PPRT yang juga untuk rakyat termiskin.

"Kita harap wang ini diberi kepada mereka yang berhak menerimanya supaya mereka turut bergembira di Hari Raya seperti orang lain. Kita juga berharap wang ini tidak diselewengkan.

"Kita sedar masalah kemiskinan di bandar dan juga luar bandar, tetapi tiada kebuluran di negara kita. Oleh sebab itu, kita bagi duit raya," katanya.

Beliau berkata, kadang-kala niat baik kerajaan untuk membantu rakyat miskin disalahgunakan oleh pegawai tertentu seperti memilih keluarga sendiri untuk menerima PPRT meskipun tidak layak menerima bantuan itu.

Katanya, bukan mudah bagi kerajaan untuk membelanjakan wang dan ada juga peruntukan pembangunan gagal dibelanjakan kerana karenah birokrasi.

(END)